

PANDUAN TUNTUTAN ELAUN TUGAS MEMANDU KENDERAAN

RUJUKAN

1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2007

TUJUAN

2. Panduan ini bertujuan untuk menetapkan kadar dan syarat menuntut Elaun Tugas Memandu Kenderaan bagi seseorang pegawai di Universiti Malaysia Pahang yang jawatannya bukan Pemandu Kenderaan dan diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk memandu kenderaan Universiti.

SYARAT

3. Pegawai yang layak dibayar tuntutan ini adalah seperti berikut:
 - a) Tugas hakiki pegawai bukan memandu kenderaan.
 - b) Mempunyai lesen memandu yang sah mengikut kategori kenderaan yang berkenaan.
 - c) Diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk memandu kenderaan Universiti bagi menjalankan tugas-tugas rasmi jabatan.
 - d) Memandu dan menguasai kenderaan berkenaan selama tidak kurang daripada 4 jam sehari.
 - e) Bagi pegawai yang diarahkan untuk memandu bot Universiti, pegawai hendaklah mempunyai Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia.
4. Pemandu Kenderaan yang diarah memandu bot universiti adalah layak dibayar Elaun Tugas Memandu Kenderaan jika memenuhi syarat 3(d) dan 3(e).

KADAR

JENIS KENDERAAN	KADAR SEHARI
Kereta / Van / Lori / Bot Berenjin	RM 5.00
Motosikal	RM 3.00

CARA MEMOHON

5. Isikan borang Tuntutan Elaun Tugas Memandu Kenderaan dan kemukakan kepada Unit Perkhidmatan, Jabatan Pendaftar, Universiti Malaysia Pahang.
6. Sila sertakan bersama satu (1) salinan dokumen berikut;
 - a) Salinan lesen memandu yang sah.
 - b) Salinan buku rekod penggunaan kenderaan.

C. PENGAKUAN PEMOHON

Saya mengaku bahawa maklumat-maklumat di atas adalah benar.

Tarikh : _____

(Tandatangan Pemohon)

D. PENGESAHAN KETUA JABATAN

Saya mengesahkan pegawai ini telah diarah untuk menjalankan tugas memandu kenderaan jabatan dan layak dibayar elaun tugas memandu.

Tarikh : _____

(Tandatangan & Cop)

Sila pastikan dokumen sokongan berikut dilampirkan bersama.

- c) Salinan lesen memandu yang sah.
- d) Salinan buku rekod penggunaan kenderaan.